



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **CITRA NUSA@MUZIUM : ASEAN NATIVES AND INDIGENOUS FESTIVAL 2025 TONJOL KEPELBAGAIAN BUDAYA, SENI DAN WARISAN MASYARAKAT ORANG ASLI DAN PRIBUMI NEGARA ASEAN**

---

**KUALA LUMPUR**, 9 Ogos – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah menganjurkan **Program Citra Nusa@Muzium : ASEAN Natives and Indigenous Festival 2025**. Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara, hari ini.

Program Citra Nusa@Muzium : ASEAN Natives and Indigenous Festival 2025 ini dilihat bertepatan dengan tema KPN bagi tahun 2025 iaitu **Harmoni Dalam Kepelbagaian**. Para pengunjung berpeluang **menyaksikan kepelbagaian budaya, seni dan warisan masyarakat Orang Asli dan pribumi daripada pelbagai negara ASEAN** melalui aktiviti kebudayaan dan kesenian.

YB Senator Puan Saraswathy berkata “program hari ini memberi nilai tambah yang besar kepada institusi muzium dalam **memperkasakan naratif kepelbagaian dan warisan negara serta menyuburkan penghayatan masyarakat terhadap kekayaan budaya, sejarah dan alam semula jadi yang menjadi identiti nasional**”.

Beliau turut menyeru agar JMM terus **memperkasakan peranan Muzium Adat di Negeri Sembilan** agar menjadi pusat rujukan dan peneraju dalam mempromosikan kepelbagaian warisan adat serta budaya etnik-etnik di Malaysia.

“Muzium Adat bukan sahaja mampu memperkaya kefahaman masyarakat terhadap kekayaan adat dan nilai budaya malah **memainkan peranan penting dalam menyemai semangat perpaduan berasaskan saling hormat dan penerimaan terhadap kepelbagaian yang menjadi teras negara ini**”, tambah beliau.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan kepada para pengunjung dalam program ini seperti persembahan kebudayaan negara ASEAN, Pertandingan menyumpit, Pertandingan permainan kerchang, Kuiz interaktif, Pertandingan mewarna kanak-kanak dan cabutan bertuah.

Kementerian Perpaduan Negara

9 Ogos 2025

KPN.100-9/1/16 **(62)**